

D.R. 39/93

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1993. Tajuk ringkas.

2. Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7 seksyen yang berikut: Seksyen baru 8. Akta 306

“Kesalahan. 8. (1) Mana-mana orang yang menggunakan atau cuba menggunakan mana-mana jalan, jambatan atau feri yang berkenaan dengannya suatu perintah telah dibuat di bawah seksyen 2 tanpa membayar tol yang ditetapkan dalam perintah itu adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, hendaklah dihukum dengan hukuman denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ribu ringgit.

(2) Walau apa pun subseksyen (1) tol yang kena dibayar menurut kuasa suatu perintah yang dibuat menurut seksyen 2 bolehlah didapatkan melalui tindakan di sisi undang-undang oleh orang yang diberikuasa sedemikian di bawah seksyen tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG

N.M.B. (3) Seksyen 173A Kanun Prosedur Jenayah
Bab 6. tidaklah terpakai berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1).

(4) Dalam tiap-tiap kes apabila pesalah itu dihukum membayar denda di bawah seksyen ini mahkamah yang menjatuhkan hukuman hendaklah mengarahkan bahawa sekiranya dia ingkar membayar denda itu pesalah itu hendaklah dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun, dan pemenjaraan itu adalah sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman pemenjaraan lain yang dijatuhkan ke atasnya atau yang boleh dikenakan ke atasnya menurut sesuatu peringanan hukuman."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan memasukkan seksyen baru 8 dalam Akta untuk mengadakan peruntukan bagi mewujudkan suatu kesalahan. Seseorang yang menggunakan atau cuba menggunakan mana-mana jalan, jambatan atau feri yang berkenaan dengannya suatu perintah telah dibuat di bawah seksyen 2 Akta tanpa membayar tol adalah melakukan kesalahan. Subseksyen (2) mengadakan peruntukan bahawa orang yang diberikuasa untuk memungut tol boleh mendapatkan tol yang kena dibayar melalui tindakan di sisi undang-undang walau apa pun sabitan di bawah subseksyen (1). Subseksyen (3) mengadakan peruntukan bahawa seksyen 173A Kanun Prosedur Jenayah tidaklah terpakai bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen (1). Subseksyen (4) mengadakan peruntukan bahawa dalam tiap-tiap kes apabila pesalah itu dihukum membayar denda di bawah seksyen itu mahkamah yang menjatuhkan hukuman hendaklah mengarahkan bahawa sekiranya dia ingkar membayar denda itu pesalah itu hendaklah dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun dan pemenjaraan itu adalah sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman pemenjaraan lain yang dijatuhkan ke atasnya atau yang boleh dikenakan ke atasnya menurut sesuatu peringanan hukuman.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U2) 1766.]